

Kesedaran Pembangunan, Kesediaan Diri dan Penerimaan Perubahan: Komponen Meningkatkan Kualiti Hidup Masyarakat Pinggir Bandar di Daerah Hulu Langat, Selangor

Development Awareness, Preparedness and Self-Acceptance of Change: Component Improving Quality of Life Society Suburbs in Hulu Langat, Selangor

SAMRUHAIZAD SAMIAN @ SAMION

ABSTRAK

Masyarakat pinggir bandar di Daerah Hulu Langat diasak oleh rebakan pembandaran metropolitan Kuala Lumpur yang mempengaruhi kualiti hidup penduduk setempat sebagai masyarakat pinggir bandar. Rebakan pembandaran yang pesat membangun mengakibatkan masyarakat pinggir bandar tidak bersedia sepenuhnya dalam memantapkan diri mengimbangi kehidupan berkualiti untuk seiring dengan perubahan pembandaran di pinggiran. Rebakan pembangunan di pinggir bandar merupakan salah satu ancaman kepada masyarakat pinggiran dalam usaha mengekalkan kualiti hidup, malah pembangunan yang tidak terkawal akan mengakibatkan keserasian yang dinikmati oleh sesebuah masyarakat pinggiran bertukar kepada peningkatan kos sara hidup yang tinggi, masalah kesesakan lalu lintas, kepadatan penduduk, ruang penempatan yang semakin sempit, gejala hidup sosial yang bebas, peningkatan jenayah yang berleluasa, kehilangan sumber alam dan pelupusan khazanah bumi yang merupakan warisan generasi masa hadapan. Penduduk merupakan aspek terpenting dalam sebuah sistem habitat kediaman sama ada penempatan di kampung, pinggir bandar dan juga di bandar. Penyediaan keperluan yang sempurna dan tingkat perkhidmatan yang selesa dalam setiap habitat kehidupan seharusnya mampu meningkatkan kualiti hidup yang lebih baik. Hasil kajian mendapati terdapat tiga komponen yang perlu dititikberatkan oleh masyarakat pinggir bandar di Daerah Hulu Langat dalam memastikan kualiti hidup yang baik dapat dinikmati secara berterusan iaitu komponen kesedaran pembangunan, kesediaan diri dan penerimaan perubahan. Komponen ini menunjukkan bahawa kesedaran pembangunan masyarakat pinggir bandar di Daerah Hulu Langat berada pada tahap yang rendah dengan 42.54 ± 6.53 dan kesediaan diri yang juga rendah dengan skor 42.25 ± 7.55 . Namun masyarakat pinggir bandar di Daerah Hulu Langat mencatatkan penerimaan perubahan yang berlaku di pinggir bandar pada tahap yang sederhana 47.00 ± 8.33 . Namun begitu secara keseluruhannya penerimaan rebakan pembandaran yang berlaku di pinggir bandar masih rendah pada pencapaian 43.91 ± 7.47 . Ini menunjukkan bahawa kualiti hidup masyarakat pinggir bandar di Daerah Hulu Langat adalah masih rendah.

Kata kunci: Rebakan perbandaran; pinggir bandar; kualiti hidup

ABSTRACT

The suburban communities in the district under pressure from urban sprawl Kuala Lumpur metropolitan affecting the quality of life of locals as the suburban communities. Urban sprawl lead to rapidly growing suburban communities are not ready to fully establish itself in the quality of life balance to keep pace with changes in urbanization in the periphery. Suburban sprawl development is one of the threats to rural communities in order to maintain the quality of life, and even uncontrolled development will lead to the comfort enjoyed by a fringe of society turns to the rising cost of living, traffic congestion, population density, space smaller settlements, social life free of symptoms, improvement of rampant crime, the loss of natural resources and the disposal of the treasures of the earth which is the heritage of future generations. Population is the most important aspect of a system, whether residential habitat in the village settlements, suburbs and even in the city. Provision of a perfect and comfortable level of service in each habitat should be able to improve the quality of life better. The study found that there are three components to be considered by the suburban communities in the district in ensuring good quality of life can be enjoyed continuous awareness component development, availability and acceptance of change. This component shows that awareness of the suburban communities in the district are at a low level with 42.54 ± 6.53 and the availability of low self-esteem with a score 42.25 ± 7.55 . But the suburban communities in the district had the acceptance of the changes that occurred in the suburbs at a moderate level 47.00 ± 8.33 . However the overall acceptance of urban sprawl which occurred in the suburbs is still low at 43.91 ± 7.47 achievement. This shows that the quality of suburban life in the district is still low.

Keywords: Outbreaks town; suburbs; quality of life

PENDAHULUAN

Rebakan pembangunan di pinggir bandar memberi kesan kualiti hidup masyarakat yang tinggal di dalamnya. Apabila berlakunya rebakan pembandaran di luar kawasan sempadan garisan bandar, masyarakat yang mula-mula merasai perubahan dan kesan pembangunan yang dijalankan adalah masyarakat kampung. Asakan demi asakan rebakan pembandaran yang menerjah kawasan penempatan kampung mengubah kawasan ini secara perlahan-lahan daripada kawasan kediaman kampung bertukar kepada kawasan pinggiran bandar. Penyediaan asas kemudahan awam kepada kehidupan penduduk kampung seperti perkhidmatan bekalan elektrik yang lebih mudah, penyaluran air bersih menggunakan saluran paip bagi menggantikan tadahan hujan banyak mengubah corak kehidupan masyarakat kampung kepada cara hidup bandar. Dalam masa yang sama, masyarakat kampung melaksanakan aktiviti mereka dengan tenang tanpa gangguan yang merosakkan persekitaran kehidupan sehari-hari mereka. Apabila berlakunya proses penolakan perkembangan bandar secara semula jadi ke luar kawasan sempadan bandar maka secara langsung ia mempengaruhi kehidupan penduduk terhadap alam sekitar, perubahan fizikal kawasan yang mempengaruhi ciri persekitaran dan perubahan corak kehidupan masyarakat itu sendiri. Selain melihat kesan rebakan pembandaran akibat penerobosan manusia terhadap alam sekitar perlu juga dilihat pengaruh alam sekitar terhadap kehidupan manusia.

Apabila keadaan ini berlaku kebimbangan yang muncul biasanya berkaitan dengan kemusnahan alam sekitar, perubahan fizikal serta sifat-sifat persekitaran, kesan kerosakan muka bumi di masa akan datang dan berapa banyak tanah yang masih tinggal untuk habitat ekologi serta kesan ke atas sosiologi masyarakat pinggir bandar yang jarang diambil kira. Sedangkan semua ini merangkumi komponen yang menyumbang kepada kemajuan pinggir bandar ke arah pembandaran serta memahami pergerakan sesebuah masyarakat terhadap perubahan sosial dan persekitarannya. Di samping itu, ia memastikan sesebuah masyarakat dapat meningkatkan kualiti hidup yang baik dalam proses perubahan pembandaran, pengenalpastian perubahan yang berlaku di persekitaran pinggir bandar dengan memahami gerak balas perubahan sosial masyarakat di dalamnya. Teori ini membolehkan hubungan dua hala dapat dilakukan sepenuhnya iaitu antara proses

perubahan pembandaran dengan pemeliharaan alam persekitaran yang menjadi aset kehidupan di samping memahami sosiologi masyarakat pinggir bandar sekali gus meningkatkan kualiti hidup seiring arus pembangunan yang dijalankan.

REKA BENTUK BANDAR


Bandar dilihat sebagai sebuah tempat yang memiliki segala keperluan dan kemudahan yang diingini bagi setiap lapisan masyarakat. Bandar tidak hanya direka bagi menggambarkan keadaan rupa bentuk bandar 20 tahun daripada sekarang namun ia juga merupakan proses penambahbaikan serta kemajuan yang dapat dilihat daripada sehari ke sehari. Reka bentuk bandar sering melibatkan reka cipta mahal dan pengekalan ciri terhadap alam sekitar. Pereka sebuah bandar perlu prihatin terhadap segala tindakan reka bentuk bandar yang dilakukan, ini bukan sahaja melibatkan masyarakat yang akan hidup dengan keputusannya malah apa yang lebih membimbangkan perubahan ketara terhadap pembinaan sebuah bandar di masa hadapan. Oleh demikian, apa jua eksperimen sebuah bandar ianya mestilah jenis rekaan yang membolehkan pelarasan kegagalan dilakukan untuk memperbetulkan kesilapan (Batchelor & Lewis 1985). Reka bentuk bandar adalah sintesis iaitu bentuk fizikal bandar menjurus ke arah mencapai matlamat berkenaan dengan keperluan manusia yang kebiasaannya merujuk kepada aktiviti dan sesuatu maksud (Mugavin 1992). Oleh yang demikian ini menunjukkan bahawa reka bentuk bandar adalah berkaitan dengan bentuk fizikal pembandaran, jalan yang menghubung, pembangunan yang dibina, taman rekreasi dan sebagainya selain jalinan hubungan antara satu dengan lain dalam mencapai matlamat sama ada daripada segi psikologi, sosial, fungsi dan alam sekitar.

Reka bentuk bandar yang dapat dilihat ketika ini adalah perancangan subsektor yang meneliti perhubungan visual dan fungsi yang wujud antara manusia dengan fizikal alam persekitaran. Premis amalan reka bentuk bandar menyatakan bahawa persekitaran fizikal manusia boleh direka bentuk menerusi pelbagai kaedah reka bentuk bagi menghasilkan rupa bentuk bandar yang dihasratkan dalam iklim kekangan politik, ekonomi dan sosial (Kriken 1983). Bandar yang wujud dewasa ini terbentuk melalui reka bentuk dan perancangan untuk tujuan tertentu. Ini berikutnya permintaan terhadap keperluan di dalam bandar itu sendiri

adalah melebihi penawaran yang diberikan malah mengikut kesesuaian teori dengan bentuk pembangunan. Selain itu, ia juga adalah hasil daripada keputusan yang dibuat untuk tujuan tertentu dan keputusan inilah yang dipanggil reka bentuk bandar. Oleh demikian, reka bentuk bandar tidak terbentuk secara rawak tetapi dirancang dan disengajakan pembinaannya malah (Lim Heng Kow 1978) jika ditinjau secara mendalam sistem pembandaran di Malaysia juga sebenarnya tidak berlaku secara tradisi. Pada zaman sebelum pemerintahan pembandaran tidak terjadi dengan perancangan yang tersusun tetapi disebabkan oleh pengumpulan penempatan-penempatan Cina yang berpunca daripada rusuhan yang berlaku pada 13 Mei 1969. Penulisan Wan Rozali (2007) dalam ‘Kualiti Hidup Sosial dan Proses Pembandaran di Malaysia’ mencatatkan tiga teori asas pembandaran yang mereka bentuk sebuah bandar iaitu i) teori asas zon bandar ii) teori asas model sektor dan iii) teori asas model pelbagai pusat.

TEORI ASAS ZON BANDAR

Teori asas zon bandar yang juga dikenali sebagai ‘Model Zon Sepusat’ dibahagikan kepada lima zon utama mengikut siri bulatan konsentrasi yang diperkenalkan oleh Burgess (1925). Pembahagian zon ini mengambil kira kos pengangkutan, kos keperluan kualiti hidup masyarakat setempat dan fungsi penggunaan tanah sahaja. Burgess (1925) membahagikan kawasan Zon bandar seperti berikut (Rajah 1):



RAJAH 1. Model asas zon hipotesis pertumbuhan bandar
Sumber : Burgess and Park 1925

Aktiviti Zon 1: Kedudukan Daerah Pusat Perniagaan yang menjadi tumpuan ekonomi sesebuah bandar berada di dalam zon 1 ini merangkumi aktiviti perniagaan, kewangan, perdagangan, pendidikan, pentadbiran kerajaan, politik, pengangkutan dan pusat kegiatan sosial.

Aktiviti Zon 2: Zon persediaan pengembangan pembandaran akibat aktiviti di zon 1. Merupakan zon yang rancak dengan aktiviti perindustrian dan masih wujud bangunan rumah lama sebagai tinggalan tradisional. Ia juga dikenali sebagai zon peralihan.

Aktiviti Zon 3: Merupakan zon penempatan tenaga kerja yang kebanyakannya berpindah dari zon 2 selain terpaksa berulang alik ke tempat kerja di pusat bandar.


Aktiviti Zon 4: Kawasan kediaman bagi golongan pertengahan yang terlibat secara langsung dalam aktiviti perniagaan di bandar seperti ahli dan pengusaha perniagaan, pemilik kedai, kakitangan kerajaan dan swasta. Mereka mendiami rumah-rumah banglo, rumah berkembar, rumah teres, kondominium dan rumah orang kenamaan berdasarkan kemampuan diri. Purata jarak perjalanan ke pusat bandar adalah antara 15 hingga 20 minit.

Walaupun model ini menerima kritikan, tetapi teori ini mampu mencerminkan corak penggunaan tanah bandar yang menunjukkan perbezaan kelas sosial yang memerlukan tahap kualiti hidup sosial terbaik disebabkan pertambahan penduduk. Dengan ini wujud kepelbagaiannya pengkhususan fungsi yang tertumpu secara berkelompok di pusat bandar dan kemudiannya menjalar ke kawasan pinggiran disebabkan keperluan kualiti hidup sosial dengan melibatkan sempadan bandar yang semakin meluas (Wan Rozali 2007).

TEORI ASAS MODEL SEKTOR

Teori Asas Model Sektor dikenali juga sebagai Model Sektor yang diperkenalkan oleh Homer Hoyt (1939). Model ini menekankan kepada keberkesanan penyediaan laluan kemudahan pengangkutan dalam mempengaruhi pola penempatan dan guna tanah bandar bagi memenuhi tahap kualiti hidup sosial yang lebih baik di kawasan bandar. Dalam kajian empirikal terhadap 142 bandar di Amerika Syarikat, Hoyt mendapat bahawa guna tanah perumahan yang berlandaskan nilai tanah di pusat bandar dan di sepanjang rangkaian pengangkutan jalan raya utama telah mencerminkan status sosial dan

keperluan kualiti hidup sosial yang berbeza dengan melibatkan pelbagai masyarakat bandar, asas ekonomi, pemilikan harta individu dan persaingan dalam menggerakkan proses pembandaran yang lebih pesat. Rajah 2, menunjukkan perkembangan guna tanah bandar yang keluar ke kawasan pinggiran bandar secara bersektor mengikut arah jaringan pengangkutan jalan raya utama. Pada asasnya model ini mampu menunjukkan wujudnya teori pembandaran dan hubungannya dengan kepentingan kualiti hidup minimum penduduk setempat pada ketika itu (Wan Rozali 2007).



RAJAH 2. Model sektor bandar dan hubungannya dengan kualiti hidup sosial


Sumber : Mayer & Kelvin 1959

TEORI ASAS MODEL PELBAGAI PUSAT

Teori Asas Model Pelbagai Pusat merupakan model pembandaran ketiga yang dilihat mempunyai hubungan dengan kualiti hidup sosial. Ianya dikemukakan oleh Harris dan Ullman pada tahun 1945. Model ini dibentuk hasil gabungan idea Burgess dan Hoyt dengan tambahan wujudnya pusat pertumbuhan bandar lain selain daripada bandar induk (Wan Rozali 2007).

Wan Rozali (2007) mendapati model ini menekankan proses pembandaran bermula dari pusat bandar dan kemudiannya berkembang ke kawasan pinggiran bandar. Sebagai tambahan kepada model sebelumnya, model ini menyarankan bahawa wujudnya proses pembandaran lain di pinggiran bandar utama. Proses ini berterusan secara serentak dengan bandar induk sehingga kemudiannya bercantum menjadi sebuah bandar yang lebih besar dan kompleks. Dengan ini pelbagai aktiviti perniagaan, perdagangan dan perkhidmatan

dapat dijalankan dengan lebih giat di sepanjang jalan pengangkutan utama. Model ini juga merupakan aktiviti kehidupan manusia yang komprehensif di bandar berdekatan kawasan pinggiran. Dalam model ini pelbagai aktiviti manusia melibatkan pengubahsuaian terhadap penggunaan tanah bagi meningkatkan aktiviti pesat pembandaran bersesuaian peralihan proses pembandaran yang moden (Rajah 3).



RAJAH 3. Model pelbagai pusat bandar dan hubungannya dengan kualiti hidup sosial

Sumber : Ubahsuai Harris & Ullman 1945

KOMPONEN KUALITI HIDUP MASYARAKAT PINGGIR BANDAR

Salah satu teori terawal tentang pembandaran yang menunjukkan kepentingan kualiti hidup sosial masyarakat setempat telah dikemukakan oleh Hurd (1903) melalui penulisannya '*The Principles of City Land Values*' pada tahun 1903. Pembinaan model deskriptif berbentuk bulatan, Hurd membuat pemerhatian terhadap pola-pola pertumbuhan bandar di Amerika Syarikat dan Eropah (Wan Rozali 2007). Namun rebakan pembandaran yang berlaku di pinggir bandar Daerah Hulu Langat tidak mengikut teori Hurd tetapi rebakan pembandaran yang menjurus kepada penyelerakan guna tanah bandar secara bertabur dan melompat-lompat (Harvey & Clark 1965), kurang kesinambungan dalam corak perkembangan bandar (Mills 1981), pembangunan bercelaru dan tidak tersusun (Peiser 1989) malah lebih dikenali sebagai rebakan jenis '*Leapfrog development sprawl*'. Namun Anuar Amir (2006) mendapati, pemahaman terhadap punca dan kesan limpahan pembandaran ini perlu dikaji ke atas bandar tertentu secara khusus bagi melihat isu-isu secara terperinci dan mengetahui kesannya ke atas hubungan

persekitaran bandar dengan ciri luar bandar. Dalam kajian ini, selain memahami impak dan jenis rebakan yang berlaku kesan perubahan persekitaran akibat rebakan pembandaran, tahap pencapaian masyarakat terhadap perubahan persekitaran juga diambil kira agar perubahan pembandaran pinggir bandar seiring dengan peringkat penerimaan masyarakat terhadap perubahan yang berlaku.

Hasil kajian mendapat terdapat tiga komponen yang dilihat mampu menyediakan masyarakat sederap perubahan pembandaran di pinggir bandar iaitu kesedaran masyarakat terhadap perubahan yang berlaku, kesediaan diri dalam bersama-sama meneroka perubahan pembandaran dan penerimaan masyarakat terhadap perubahan persekitaran yang berlaku di sekeliling mereka.

JADUAL 1. Komponen kualiti hidup penduduk pinggir bandar daerah hulu langat secara keseluruhan

KOMPONEN KUALITI HIDUP	Min ± sisihan piawai	STATUS KEHIDUPAN
KESEDARAN PEMBANGUNAN		
Perumahan	42.77±6.22	Rendah
Persekitaran fizikal dan alam sekitar	40.61±6.05	Rendah
Perubahan corak guna tanah/pembangunan	44.24±7.33	Rendah
Jumlah Purata Skor Min	42.54±6.53	Rendah
KESEDIAAN DIRI		
Pergaulan dan aktiviti sosial	48.28±8.40	Sederhana
Pendidikan	28.00±4.52	Rendah
Kewangan dan Pekerjaan	34.72±8.96	Rendah
Kesihatan dalam kehidupan	58.03±8.30	Sederhana
Jumlah Purata Skor Min	42.25±7.55	Rendah
PENERIMAAN PERUBAHAN		
Keselamatan diri dan kawasan perumahan	32.87±6.09	Rendah
Perkhidmatan kesihatan	33.07±4.65	Rendah
Kemudahan awam/infrastruktur	71.21±13.38	Sederhana
Aksesibiliti Kemudahan Awam	50.60±9.19	Sederhana
Jumlah Purata Skor Min	47.00±8.33	Sederhana
Purata Keseluruhan	43.91±7.47	Rendah

Status Skor : Rendah : 20%-46%, Sederhana : 47%-73%, Tinggi : 74%-100%
(Tiada skor di bawah 20% kerana nilai minima sub-indikator adalah 8)

Komponen kesedaran pembangunan terdiri daripada indikator perumahan, persekitaran fizikal/alam sekitar dan perubahan corak guna tanah/pembangunan. Komponen kesediaan diri pula merangkumi pergaulan/aktiviti sosial, pendidikan, kewangan/pekerjaan dan kesihatan dalam kehidupan. Manakala penerimaan perubahan adalah hasil gabungan indikator keselamatan diri/kawasan perumahan, perkhidmatan kesihatan, kemudahan awam/infrastruktur dan aksesibiliti kemudahan awam (Jadual 1). Kategori status kehidupan adalah merujuk kepada tahap rendah 20-46 peratus, tahap sederhana 47 peratus -73 peratus dan tahap tinggi 74 peratus -100 peratus. Setiap komponen mengandungi aspek kualiti hidup yang menggambarkan hubungan antara aspek tersebut

dalam meningkatkan kualiti hidup masyarakat pinggir bandar.

KESEDARAN PEMBANGUNAN

Perubahan kepadatan sebenar bermula dari kawasan pinggir bandar dan berlaku kepesatan pembangunan berdasarkan keperluan perumahan dan mobiliti penduduk ke tempat kerja dan ke tempat kemudahan (Bogue 1969). Perubahan pinggir bandar secara langsung mempengaruhi kehidupan penduduk yang tinggal di dalamnya. Kepadatan penduduk menyebabkan penolakan pembandaran ke pinggir bandar. Impak limpahan pembandaran ke atas penempatan luar bandar bergantung kepada banyak

faktor antaranya lokasi atau jarak penempatan, ciri fizikal penempatan, kependudukan, sosioekonomi penduduk, pengaruh sosiobudaya dan sosiopolitik serta dasar-dasar perancangan (Anuar Amir 2006). Dalam kajian ini bagi memastikan penduduk sentiasa berada pada tahap kualiti hidup yang semakin baik akibat perubahan aktiviti masyarakat kampung kepada kehidupan penduduk separa bandar yang lebih menjurus kepada aktiviti pembandaran maka secara teorinya penduduk pinggir bandar perlu ada kesedaran pembangunan yang berlaku di sekitar kehidupan mereka. Hasil kajian menunjukkan bahawa masyarakat pinggir bandar di Daerah Hulu Langat hanya mampu mencatatkan kualiti hidup mereka berada di tahap rendah dalam kesedaran terhadap pembangunan dan kesediaan diri kesan rebakan pembangunan di kawasan mereka.

Dalam kajian ini, purata skor min kesedaran pembangunan diperoleh daripada aspek kualiti hidup perumahan, persekitaran fizikal dan alam sekitar serta perubahan corak guna tanah/pembangunan. Kesedaran pembangunan masyarakat Daerah Hulu Langat yang dirujuk dalam aspek perumahan adalah menerusi ciri sub-indikator yang terkandung di dalam aspek perumahan itu sendiri. Masyarakat kampung pada kebiasaannya tinggal di dalam pembinaan rumah kampung yang mempunyai ruang yang lebih besar dan selesa, halaman sekeliling luas, memiliki setiap unit rumah yang didiami serta tiada masalah kesesakan jalan raya yang dialami. Faktor ini merupakan beberapa ciri kehidupan masyarakat kampung terhadap penempatan yang didiami. Namun, apabila berlakunya rebakan dan perkembangan pembandaran yang menyusup di kawasan kediaman kampung, beberapa ciri pembinaan perumahan juga turut berubah. Pembinaan perumahan atas permintaan kediaman yang semakin tinggi mengakibatkan ruang, saiz, jenis pembinaan rumah yang dibina juga semakin terhad selain masalah kesesakan jalan raya di kawasan penempatan. Perubahan pembangunan inilah yang perlu disedari oleh penduduk Daerah Hulu Langat sebagai proses awal pengekalan kualiti hidup pinggiran selain menyedari proses perkembangan pembandaran yang sedang berlaku di kawasan kediaman.

Selain itu perubahan khazanah alam semula jadi yang melibatkan kawasan hutan, taman-taman hijau, persekitaran alam sekitar, kecukupan bekalan elektrik serta permasalahan alam sekitar yang melibatkan kekerapan berlakunya hakisan, banjir kilat serta mendapan tanah, peningkatan masalah

kebisingan, kebersihan udara merupakan tandatanda kediaman kampung telah berubah sedikit demi sedikit kepada kawasan pinggir bandar. Rebakan pembandaran yang berlaku di kampung merupakan perubahan corak guna tanah yang besar kepada perubahan pembandaran. Perubahan corak guna tanah di kampung merupakan perubahan besar yang perlu disedari oleh masyarakat yang tinggal di dalamnya sekali gus mengubah bentuk muka bumi kawasan kediaman kampung kepada pinggir bandar dan semakin berkembang kepada kawasan bandar. Sungguhpun kesedaran ini telah diketahui dan diterima masyarakat pinggiran di Daerah Hulu Langat namun hasil kajian mendapat jumlah purata skor min kesedaran pembangunan penduduk pinggir bandar di Daerah Hulu Langat adalah rendah iaitu dengan catatan 42.54 ± 6.53 .

KESEDIAAN DIRI

Masyarakat pinggir bandar merupakan masyarakat yang tinggal di kawasan perantaraan masyarakat yang masih mengamalkan aktiviti kampung dan sempadan kepesatan pembangunan bandar. Rebakan bandar yang menghimpit masyarakat pinggiran tidak menunjukkan masyarakat pinggir bandar telah memantapkan diri untuk menerima perubahan pembandaran yang berlaku di sekitar kehidupan mereka. Rebakan pembandaran yang berlaku di pinggir bandar merupakan proses semula jadi perkembangan pembandaran bagi sesbuah kawasan yang banyak menerima penolakan kemajuan daripada persekitaran bandar yang telah tepu. Keadaan ini mengakibatkan pinggir bandar merupakan kawasan yang paling sesuai menerima penolakan pembangunan sekali gus mengurangkan jurang perbezaan antara bandar dan kawasan kampung. Kawasan pinggir bandar yang telah bersedia menerima perubahan penolakan bandar menyebabkan pelbagai kemudahan asas, pusat perkhidmatan dan pendidikan, pembinaan kawasan perindustrian, bangunan kerajaan dan swasta dibangunkan dengan banyaknya mengikut keperluan dan kesesuaian di kawasan tersebut.

Dalam kajian ini, penduduk Daerah Hulu Langat masih berada di tahap yang rendah dalam aspek kesediaan diri untuk bersaing seiring dengan pembangunan dan perubahan yang sedang berlaku di kawasan penempatan mereka. Skor min yang direkodkan merupakan peratusan terendah iaitu 42.25 ± 7.55 berbanding kesedaran masyarakat

terhadap pembangunan dan penerimaan masyarakat terhadap perubahan persekitaran dalam hidup mereka. Penduduk Daerah Hulu Langat masih belum bersedia sepenuhnya terhadap pembangunan yang sedang rancak di laksanakan di kawasan penempatan mereka berbanding masyarakat Seremban yang telah bersedia menerima pembangunan bandar kawasan mereka dengan skor min 68.7 ± 3.7 sedangkan jarak antara keduanya hanya sejauh 44.3 km menerusi Lebuhraya LEKAS. Keadaan ini agak membimbangkan sekiranya mereka masih tiada persediaan yang kukuh dalam menerima rebakan pembandaran yang semakin berkembang lantaran akan mengakibatkan penduduk Daerah Hulu Langat semakin tertekan di tanah kelahiran mereka sendiri.

Komponen kesediaan diri yang dirangkumkan bagi memastikan kualiti hidup penduduk pinggiran terus meningkat seiring dengan pembangunan yang dijalankan adalah menerusi empat aspek kualiti hidup iaitu aspek pergaulan dan aktiviti bermasyarakat, pendidikan, kewangan dan pekerjaan serta kesihatan dalam kehidupan. Kajian mendapati aspek kualiti hidup bagi komponen kesediaan diri penduduk Daerah Hulu Langat yang telah mencapai tahap sederhana adalah kesihatan dalam kehidupan 58.03 ± 8.30 dan aspek pergaulan dan aktiviti bermasyarakat (48.28 ± 8.40). Tahap kesederhanaan ini secara langsung mempunyai kaitan dengan keupayaan mengawal emosi, kecekapan mengawal tingkah laku, tahap kefahaman terhadap agama serta pengamalan suruhan agama, serta ketenangan jiwa penduduk yang mencatatkan kepuasan melebihi 60 peratus dalam menjalani kehidupan harian sebagai masyarakat pinggir bandar. Walaupun kehidupan penduduk Daerah Hulu Langat diasak dengan perkembangan pembangunan di kawasan pinggiran namun keadaan ini langsung tidak mengganggu kesihatan fizikal mereka secara keseluruhan.

Sementara itu penduduk Daerah Hulu Langat masih rendah dalam aspek kewangan dan pekerjaan (34.72 ± 8.96) selain aspek pendidikan yang mencatatkan skor paling rendah bagi kesediaan diri penduduk Daerah Hulu Langat dalam menerima pembangunan yang dijalankan 28.00 ± 4.52 . Dibuktikan, lebih separuh daripada penduduk di Daerah Hulu Langat 51.0 peratus hanya memiliki pendidikan STPM dan ke bawah. Tahap pencapaian pendidikan sebahagian penduduk Daerah Hulu Langat yang masih rendah ini memerlukan penambahbaikan dan usaha yang gigih bagi memastikan mereka bersedia menerima cabaran pembangunan yang lebih tinggi kerana taraf

pekerjaan mereka di sektor swasta adalah kumpulan pekerja sokongan dan ke bawah. Apatah lagi tahap pendidikan yang rendah pastinya memerlukan kesungguhan yang tinggi dan daya usaha yang berterusan bagi memastikan taraf ekonomi diri dan keluarga mampu memecah kepompong kemiskinan.

Ketidakmampuan untuk duduk sama tinggi dan berdiri sama rendah akan menjadikan penduduk Daerah Hulu Langat semakin miskin akibat ketidakmampuan dalam urusan perbelanjaan menyara kehidupan sedangkan pembangunan di pinggiran semakin rancak membangun. Kesang jangka panjang akan meletakkan masyarakat ini tergolong dalam kumpulan rakyat miskin yang masih tidak mampu mencapai taraf hidup bandar. Sokongan kebimbangan penghulu Mukim Ampang 1 turut diluahkan dalam petikan berikut:

TP1 : 45 tahun, Melayu, Tok Penghulu Mukim Ampang 1 ‘pembangunan yang dibangunkan kerajaan sekiranya tidak seiring dengan pendapatan penduduk akan meletakkan penduduk masih di dalam situasi ketidakmampuan menjalani kehidupan harian. Ini mengakibatkan rakyat berterusan menjadi miskin sedangkan pembangunan negara gah membangun’.

PENERIMAAN PERUBAHAN

Secara amnya penduduk pinggir bandar masih ketinggalan dalam pelbagai aspek pembangunan daripada masyarakat bandar namun demikian aspek penerimaan perubahan terhadap pembangunan yang dibangunkan di pinggiran menunjukkan peningkatan di tahap yang sederhana. Berdasarkan ketiga-tiga komponen yang dinyatakan, kualiti hidup penduduk Daerah Hulu Langat masih rendah secara keseluruhan iaitu 43.91 ± 7.47 bagi kesedaran pembangunan, kesediaan diri dan penerimaan perubahan pembangunan yang sedang rancak dilaksanakan di Daerah Hulu Langat. Berbanding dalam tesis kajian Azahan Awang (2006) mendapati kualiti hidup masyarakat bandar berada di tahap sederhana bagi ketiga-tiga komponen kualiti hidup kesediaan diri, persekitaran bandar dan akses bandar.

Dahulu, masyarakat pinggiran bandar merasakan bahawa kedudukan mereka agak jauh dengan Metropolitan Kuala Lumpur namun apabila keadaan telah berubah mereka merasakan bahawa jarak perjalanan dari Daerah Hulu Langat dan Bandaraya Kuala Lumpur adalah dekat dan mudah diakses. Keadaan ini dirasakan sendiri oleh Penghulu Mukim Cheras yang mendapati bahawa

perjalanan ke Kuala Lumpur pada masa dahulu dan sekarang adalah berbeza.

TP3 : 55 tahun, Melayu, Penghulu Mukim Cheras ‘Selepas pembangunan kemudahan perhubungan jalan raya antara satu tempat ke satu tempat lebih baik, lampu-lampu jalan juga banyak dipasang. Kawasan kampung tidak dikelilingi hutan lagi. Dulu terasa jauh kalau ke Kuala Lumpur tapi kini dekat je kalau hendak ke Kuala Lumpur’.

Ini menunjukkan bahawa penyediaan kemudahan jalan raya yang lebih baik sangat memberi manfaat kepada masyarakat pinggir bandar dan perubahan yang diterima sangat memberi bekas kepada penduduk Daerah Hulu Langat. Selain aspek penyediaan kemudahan awam yang memberi kesan mendalam penerimaan penduduk Daerah Hulu Langat terhadap perubahan pembangunan yang terdapat di pinggir bandar, aspek tahap aksesibiliti kemudahan awam, keselamatan diri dan kawasan perumahan serta perkhidmatan kesihatan turut diambil kira. Aspek penyediaan kemudahan awam merupakan satu-satunya aspek yang meletakkan penduduk Daerah Hulu Langat dalam penerimaan perubahan pembandaran di pinggir bandar di tahap sederhana (71.21 ± 13.38) dalam komponen penerimaan perubahan. Hasil kajian mendapati hampir semua sub-indikator aspek penyediaan kemudahan awam melebihi peratusan sehingga 40 peratus kecuali kemudahan pengangkutan awam, kemudahan tandas awam dan kesukaran tinggal di Daerah Hulu Langat tanpa kenderaan sendiri. Jelas di sini menunjukkan bahawa, hampir separuh penduduk Daerah Hulu Langat dapat menikmati pelbagai aspek kemudahan awam yang disediakan di pinggir bandar. Malah, secara keseluruhannya penduduk Daerah Hulu Langat secara sederhana menerima perubahan pembangunan yang disebabkan oleh rebakan pembangunan dalam hidup mereka (47.00 ± 8.33).

Penduduk pinggir bandar Daerah Hulu Langat juga masih bimbang tentang keselamatan diri mereka dan keselamatan perumahan (32.87 ± 6.09) yang didiami lebih-lebih lagi dengan adanya pelbagai pembinaan pembangunan di kawasan sekitar yang sekali gus membawa kebanjiran warga asing ke kawasan mereka. Penghulu Mukim Ampang 1 juga turut merasa bimbang tentang keselamatan penduduk dengan mengatakan:

‘masalah migrasi...timbul perkampungan antarabangsa daripada pelbagai bangsa di mana mereka melakukan aktiviti-aktiviti mereka, negro dengan aktiviti mereka, kemboja dengan cara hidup kemboja. Malam-malam

selalu bergaduh, masalah jenayah, masalah sosial. Saya tidak nampak kebaikan pun apabila ada kemasukan orang luar ke dalam kampung kita’.

(TP1 : 45 tahun, Melayu, Tok Penghulu Mukim Ampang 1).

Malah hasil kajian juga mencatatkan hampir separuh penduduk Daerah Hulu Langat mendapati bahawa persediaan diri mereka dalam menghadapi bencana alam dan musibah adalah kurang memuaskan (45.9%).

STATUS KUALITI HIDUP MASYARAKAT PINGGIR BANDAR DI DAERAH HULU LANGAT

Status kualiti hidup masyarakat pinggir bandar di Daerah Hulu Langat ini berkait rapat dengan penerimaan masyarakat menjalani kehidupan sehari-hari sebagai masyarakat pinggiran yang menerima pembangunan sebagai suatu kemajuan di kawasan kediaman. Lazimnya status kualiti hidup masyarakat pinggiran pada peringkat awal penerimaan pembangunan tidak langsung mengganggu kualiti kehidupan. Setiap detik proses pembangunan yang tiba dibayangkan perubahan kehidupan yang lebih baik dan moden. Sehingga pada suatu tahap apabila timbulnya seribu macam masalah, rungutan kebimbangan, aduan ketidakpuasan, kerosakan dan ancaman maka ketika itu tahap status kualiti hidup masyarakat pinggir bandar akan berubah-ubah sama ada semakin meningkat atau menurun. Sebanyak sebelas aspek kualiti hidup yang dipecahkan kepada tiga indikator dalam mengupas status kualiti hidup masyarakat pinggiran di Daerah Hulu Langat. Pengukuran status kualiti hidup adalah bertujuan untuk melihat tahap kepuasan masyarakat terhadap kualiti hidup mereka berdasarkan rebakan pembangunan yang melanda penempatan di pinggiran. Tiada penolakan pembangunan di pinggiran bererti tahap kualiti hidup masyarakat pinggir bandar juga tidak terlalu berubah namun wujudnya rombakan bentuk muka bumi pembandaran di pinggiran turut berubah status kualiti hidup penduduk pinggiran. Status kualiti hidup masyarakat pinggir bandar juga diukur bagi mengenal pasti kesedaran masyarakat pinggir bandar mengenai kewujudan pembangunan dalam melengkapkan kesediaan diri menerima perubahan pembangunan yang sedang dihadapi.

KESEDARAN PEMBANGUNAN : STATUS KUALITI HIDUP MASYARAKAT PINGGIR BANDAR

Dalam membincangkan status kualiti hidup masyarakat pinggir bandar Daerah Hulu Langat menerusi aspek kesedaran pembangunan status kepuasan diri terhadap aspek perumahan, persekitaran fizikal dan alam sekitar serta perubahan corak guna tanah perlu diambil kira. Rebakan bandar bukan sahaja memberi kesan terhadap corak guna tanah kawasan pinggir bandar tetapi juga corak sosioekonomi penduduk di zon peralihan tersebut. Ciri sosioekonomi penduduk di kawasan transisi desa-bandar ini cenderung untuk berbeza dengan keadaan di kawasan tengah bandar mahupun kawasan luar bandar (Katiman et al. 2010). Penentuan kepuasan terhadap kepuasan aspek perumahan, persekitaran fizikal dan alam sekitar serta perubahan corak guna tanah boleh menentukan kesedaran masyarakat terhadap pembangunan yang sedang melanda kawasan penempatan masyarakat pinggir bandar. White dan Whitney (1992) melihat pembangunan bandar yang mapan perlu mengambil kira keadilan sosial, keperluan asas manusia, kesihatan awam, kesedaran persekitaran daripada segi ruang dan masa. Tahap kesedaran pembangunan bagi masyarakat di Daerah Hulu Langat menunjukkan bahawa masyarakat di Mukim Hulu Langat paling tinggi tahap kesedaran pembangunan yang sedang dijalankan di kawasan penempatan yang mengubah corak guna tanah dan bentuk muka bumi akibat rebakan pembangunan. Sungguh pun begitu secara umumnya tahap kesedaran pembangunan bagi masyarakat pinggir bandar Daerah Hulu Langat masih berada di tahap yang rendah.

Dalam kajian ini, status kepuasan masyarakat Daerah Hulu Langat terhadap status perumahan tidak terlalu membimbangkan. Hampir majoriti masyarakat berpuas hati terhadap status perumahan mereka terutama dalam aspek kemudahan awam dan ciri-ciri kualiti rumah yang mereka diamai termasuk kemudahan bekalan air dan elektrik, kemudahan tandas rumah, tahap keselesaan dan keluasan ruang dalam rumah, halaman dan kedudukan lokasi rumah. Kepuasan ini termasuklah rumah yang berstatus dimiliki oleh masyarakat pinggiran atau pun rumah sewa dan rumah yang disediakan oleh majikan walaupun (Katiman et al. 2010) perbezaannya mungkin wujud hanyalah pada kualiti binaan terhadap rumah sewa tersebut dan kualiti rumah di zon pinggir bandar lazimnya lebih rendah. Beberapa aspek yang perlu diambil kita dalam memastikan kualiti hidup

masyarakat pinggir bandar memenuhi tahap terbaik kualiti hidup. Hampir mencecah separuh masyarakat di Daerah Hulu Langat membicarakan ketidakpuasan terhadap pemilikan perumahan untuk kediaman. Pemilikan perumahan banyak dibicarakan oleh masyarakat luar yang mencari ruang yang lebih selesa untuk tinggal di Daerah Hulu Langat atas peluang pekerjaan yang ditawarkan di pinggir bandar.

Laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (2009) mendapati taburan peratus isi rumah mengikut jenis pemilikan rumah di Negeri Selangor pada tahun 2009 didapati peratusan pemilikan perumahan di bandar adalah sebanyak 63.7 peratus berbanding pemilikan perumahan di luar bandar yang lebih tinggi iaitu 77.8 peratus. Keadaan ini agak berbeza dengan sewaan perumahan di bandar yang lebih tinggi iaitu 34.3 peratus berbanding sewaan di luar bandar yang lebih rendah sebanyak 18.9 peratus. Walau bagaimana pun, peratusan pemilikan perumahan di Negeri Selangor adalah lebih banyak iaitu 64.9 peratus berbanding sewaan perumahan 32.9 peratus sahaja. Masyarakat asal pinggir bandar tidak ramai yang membicarakan hal ini disebabkan status mereka yang memang dilahirkan sebagai masyarakat asal pinggiran yang telah mempunyai tempat tinggal keluarga sedia ada. Selain hal pemilikan perumahan, aspek yang perlu dititikberatkan juga dalam meningkatkan kualiti hidup masyarakat pinggiran adalah perkhidmatan sistem kutipan sampah ke rumah. Permasalahan ini berpunca daripada rungutan masyarakat terhadap kesukaran melupuskan bahan buangan sampah terutama bagi masyarakat yang tinggal di rumah sebuah. Rumah sebuah masyarakat pinggir bandar di Daerah Hulu Langat kebanyakannya terdiri daripada rumah kampung terletak dalam kawasan kampung dan bukannya di atas tanah taman perumahan yang telah disediakan lori pembersihan sampah. Justeru, bagi menjaga kebersihan persekitaran, mereka terpaksa melupuskan bahan buangan sampah dengan menanamnya atau melonggokkan nya di belakang rumah. Keadaan ini lama kelamaan mengakibatkan masalah bau busuk di kawasan persekitaran rumah sendiri. Oleh demikian bagi memastikan masyarakat pinggir bandar dapat meneruskan kelangsungan hidup yang selesa dan sempurna bagi aspek terpenting kualiti hidup perumahan yang perlu diambil perhatian adalah perkhidmatan bekalan air, elektrik, perkhidmatan kutipan sampah, keluasan ruang dalam rumah dan keselesaan dalam rumah.

Seterusnya status kualiti hidup yang berkaitan dengan persekitaran fizikal alam sekitar. Masalah kualiti alam sekitar dalam aspek pembinaan

pembangunan banyak mendatangkan keburukan kepada pencemaran udara, kebersihan air dan sungai, masalah alam sekitar itu sendiri yang mengakibatkan masalah hakisan tanah, banjir kilat, tanah runtuh, mendapan tanah dan masalah bau di Daerah Hulu Langat. Dalam aspek persekitaran alam sekitar, hampir kesemua masyarakat menyatakan bekalan air dan elektrik ke rumah meningkatkan tahap kualiti hidup yang baik namun terdapat gangguan kualiti hidup yang mengakibatkan masyarakat berasa bimbang dan kecewa terhadap pelbagai permasalahan yang timbul berkaitan alam sekitar kesan pembangunan yang dijalankan terutama masalah sungai dan saliran. Masalah pencemaran sungai dan saliran ini memberi impak yang sangat besar kepada masyarakat Daerah Hulu Langat khasnya dan masyarakat di negara Malaysia amnya. Air sungai merupakan sumber utama saliran dalam penyediaan air minuman kepada masyarakat, malah air sungai menyimpan rahsia habitat fauna di dalamnya. Keseimbangan alam semula jadi mampu mengelakkan kejadian alam semula jadi yang tidak diingini. Kekuatan ikatan antara tumbuhan di muka bumi dan lapisan tanah mengelakkan berlakunya pergerakan tanah yang mengakibatkan tanah runtuh. Pembangunan sebenarnya mengubah corak guna tanah dan bentuk muka bumi daripada kawasan hutan kepada penggondolan tanah, kawasan berbukit bukau menjadi rata, kawasan hutan hijau kepada hutan batu dan ketenangan persekitaran kampung bertukar kepada kesesakan bandar.

Kesan pembangunan mengakibatkan air sungai menjadi keruh, kotor dan berbau dan masalah paling utama apabila mendapan lumpur daripada bahan buangan projek pembangunan terkumpul di dasar sungai. Keadaan ini telah mengakibatkan sungai menjadi cetak dan longkang tersumbat. Hujan lebat yang melanda boleh mengakibatkan banjir lumpur di seluruh kawasan sekitar pembinaan kerana kandungan lumpur yang terlalu banyak bertakung di dalam sungai. Masalah banjir lumpur telah melanda Daerah Hulu Langat di kawasan Mukim Beranang beberapa tahun kebelakangan atas masalah yang sama iaitu pembangunan dan mendapan lumpur di sungai. Kejadian ini turut dinyatakan oleh Penghulu Mukim Beranang yang baru sahaja melawat kawasan kejadian ketika temu bual dijalankan. Beliau menyatakan bahawa Mukim Beranang seperti kawah yang mudah menakung air hujan. Justeru, masalah banjir kilat berlaku di Mukim Beranang yang mengandungi mendapan lumpur telah menjaskan

kawasan penempatan berhampiran, memusnahkan tanaman penduduk dan mengakibatkan kerugian kepada masyarakat setempat. Malah ramai para sarjana yang beranggapan bahawa rebakan bandar wajar dikurangkan kerana proses tersebut boleh menimbulkan impak negatif terhadap kerosakan sumber alam juga persekitaran fizikal termasuk pencemaran udara, air dan hakisan di samping pelbagai gejala sosial seperti kekurangan kemudahan komuniti dan pengangguran (Mitchell 2001; Barnes et al. 2001).

KESEDIAAN DIRI : STATUS KUALITI HIDUP MASYARAKAT PINGGIR BANDAR

Status kesediaan diri masyarakat pinggir bandar dalam menerima rebakan pembandaran melibatkan persediaan terhadap aspek kewangan dan pekerjaan, pendidikan, pergaulan dan aktiviti sosial bermasyarakat serta kesihatan dalam kehidupan yang dibina sebagai aspek penyokong. Kesediaan diri masyarakat pinggir bandar di Daerah Hulu Langat masih rendah dalam mencari keseimbangan antara diri dan pembangunan yang rancak dibangunkan. Pembangunan di pinggir bandar Daerah Hulu Langat meningkat mendadak disebabkan oleh penolakan pembandaran dalam mencari ruang yang lebih luas, peningkatan populasi yang mencari kawasan kediaman yang lebih selesa serta peluang pekerjaan yang semakin banyak di samping kemudahan asas yang disediakan. Para sarjana yang mengkaji pinggir bandar seperti Breese (1966), White dan Whitney (1992), Lopez et al. (2001) Duncan et al. (2006) dan Wan Rozali (2007) juga melihat penolakan pembandaran ke pinggir bandar adalah permintaan terhadap ruang dalam mengembangkan aktiviti pembandaran yang melibatkan aktiviti ekonomi, perdagangan, pentadbiran, perniagaan, pendidikan serta pembangunan perindustrian, rumah kediaman dan pusat perniagaan.

Status kualiti hidup masyarakat Daerah Hulu Langat yang merujuk kepada kesediaan diri turut melibatkan penilaian bagi aspek pendidikan masyarakat pinggir bandar. Dalam mengukur kesediaan diri masyarakat pinggir bandar di Daerah Hulu Langat terhadap rebakan pembangunan terutama dalam meningkat kualiti hidup sebagai masyarakat pinggiran ia bukan sahaja melibatkan penilaian material semata namun ia juga turut melibatkan aspek bukan material. Justeru, kesediaan diri yang merujuk kepada kewangan

dan pekerjaan, pendidikan, pergaulan dan aktiviti sosial bermasyarakat serta kesihatan yang dipilih dalam kajian ini merangkumi penilaian kesedarian diri untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat pinggir bandar. Hasil kajian korelasi menunjukkan hubungan yang agak baik antara pendidikan dan pendapatan dengan nilai $r = 0.46$. Lebih separuh daripada Masyarakat Daerah Hulu Langat yang berpendidikan SPM dan ke bawah berpuas hati terhadap kualiti hidup pendidikan yang diterima berbanding masyarakat Daerah Hulu Langat yang berpendidikan STPM dan ke atas.

Perolehan hasil kajian ini seiring dengan kajian di Kuwait oleh al-Eisa I.S et al. (2005) di mana masyarakat yang mempunyai pendidikan lebih rendah ternyata lebih berpuas hati. Keadaan ini mungkin terjadi disebabkan oleh masyarakat yang lebih dewasa sentiasa dahagakan pendidikan yang lebih tinggi dan berkemahiran untuk meningkatkan tahap kehidupan yang lebih baik. Ini kerana pendidikan berkait rapat dengan pembentukan modal insan yang merangkumi kebolehan dan kemahiran manusia menerusi pendidikan formal, tidak formal, kursus-kursus kemahiran dan latihan yang memberi keupayaan untuk seseorang memperbaiki diri, sikap, kelakuan, tabiat dan kehidupan mereka. Malah ia juga dianggap sebagai penyelamat sesebuah kehidupan yang dapat memastikan asas kejayaan seseorang dalam pembangunan sesuatu bangsa. Ini disebabkan pendidikan boleh dilihat daripada pelbagai sudut sama ada proses pendidikan itu sendiri, ciri-ciri pendidikan, fungsi pendidikan maupun proses yang dijalankan dalam pendidikan. David (1988) telah menyenaraikan beberapa alasan mengapa trend tersebut wujud antaranya ialah memberi peluang orang dewasa yang kekurangan pendidikan di peringkat sekolah tinggi untuk memperoleh kemahiran yang diperlukan supaya dapat berfungsi dengan lebih berkesan dalam masyarakat dan pekerjaan, memperoleh kemahiran pekerjaan peringkat tinggi, memperoleh kemahiran yang diperlukan bagi menjadi seorang ahli masyarakat yang berfungsi lebih efisien dan dapat menjadi seorang pengguna yang lebih pintar dan pelbagai lagi. Walau apa pun situasinya lebih separuh masyarakat Daerah Hulu Langat berpuas hati terhadap pekerjaan yang mereka lakukan.

Penelitian lanjut terhadap kepuasan pendapatan pula menunjukkan bahawa hampir sebahagian masyarakat daerah Hulu Langat yang berpendapatan kurang daripada RM1,000 tidak berpuas hati


terhadap pendapatan yang diperolehnya berbanding masyarakat yang berpendapatan melebihi RM1,000 ke atas. Kajian ini juga menunjukkan bahawa semakin tinggi pendapatan yang diperoleh oleh masyarakat pinggiran di Daerah Hulu Langat maka semakin tinggi kepuasan terhadap pendapatan yang diterima. Hubungan purata pendapatan yang diperoleh dalam kajian ini juga menunjukkan signifikan dengan pekerjaan dan kewangan apabila nilai $p = 0.00$. Terdapat percanggahan hasil kajian Nor Hayati (2006) apabila melaporkan sebanyak 82 peratus isi rumah yang tidak berpuas hati berpendapatan lebih RM1,000 berbanding mereka yang berpendapatan kurang RM1,000 iaitu sebanyak 57 peratus. Tambahnya lagi, semakin meningkat pendapatan isi rumah semakin rendah tahap kepuasan. Jika berdasarkan kajian Nor Hayati, sekiranya masyarakat pinggir bandar yang berpendapatan tinggi tetapi pencapaian kepuasan yang masih rendah, ini bermaksud masyarakat pinggir bandar berkemungkinan tahap kesedarian diri menerima perubahan pembangunan adalah rendah. Kesedarian diri bagi masyarakat di Daerah Hulu Langat ini juga masih berada di dalam kategori yang rendah. Namun realitinya, masyarakat pinggir bandar Daerah Hulu Langat sebenarnya semakin kurang berpuas hati dengan peningkatan pendapatan yang diperoleh disebabkan oleh rebakan pembangunan yang melanda pinggiran ketika ini (Jadual 2). Oleh demikian, masyarakat Daerah Hulu Langat seharusnya bersedia meletakkan diri mereka di tahap yang lebih baik dalam penilaian kesedarian diri terhadap rebakan pembangunan yang melanda di penempatan mereka. Apatah lagi tahap kepuasan masyarakat pinggir bandar Daerah Hulu Langat terhadap pekerjaan juga menunjukkan semakin tinggi kepuasan pekerjaan yang diterima semakin berpuas hati tahap pendapatan yang diperolehnya.

Pemerhatian seterusnya adalah berkaitan pergaulan dan aktiviti sosial bermasyarakat yang menjadi salah satu pendorong dalam menilai kesedarian diri masyarakat di Daerah Hulu Langat. Hal ini jelas dinyatakan oleh Hoselitz (1960) bahawa, kemunduran dapat diatasi melalui perubahan dalam sistem sosial walaupun sistem tersebut tidak mengalami perubahan menyeluruh. Rebakan pembandaran memberi kesan mendalam bagi aspek kehidupan sosial dan hubungan dengan keluarga serta jiran tetangga. Perlu disedari bahawa bidang pembandaran amat penting dalam memainkan peranannya terutama

yang mengakibatkan perubahan besar terhadap kualiti kehidupan manusia. Ini disebabkan kualiti hidup sosial dan proses pembandaran merupakan cerminan tamadun manusia dalam pembangunan sesebuah negara. Kedua-duanya mempunyai pertalian yang erat dalam menentukan tahap sosioekonomi penduduk setempat walaupun sukar untuk diselaraskan. Ini disebabkan proses pembandaran yang sebahagian besarnya berpunc

dari pada pertambahan bilangan penduduk sering berdepan dengan masalah dan isu kualiti hidup sosial di sesebuah bandar. Pembangunan bandar yang pesat secara langsungnya menuntut perubahan paradigma baru dalam kalangan penghuninya yang akhirnya menjadi titik pentuan terhadap kualiti hidup sosial sesebuah masyarakat bandar (Wan Rozali 2007).

JADUAL 2. Taburan tingkat ‘tidak memuaskan’ bagi aspek kualiti hidup di kalangan responden mengikut mukim di daerah Hulu Langat



Sumber : Hasil Dapatkan Kajian Penyelidik 2015

Dalam kajian ini, hampir keseluruhan masyarakat Daerah Hulu Langat berpuas hati terhadap pergaulan dan aktiviti bermasyarakat yang dilakukan bersama semua ahli keluarga serta bersama jiran tetangga walaupun adanya rebakan pembandaran. Hubungan kekeluargaan merupakan ikatan dalam mengeratkan ikatan kasih sayang bersama insan yang paling rapat dan disayangi. Rebakan pembandaran yang melanda bisa mengganggu hubungan kekeluargaan yang sudah terjalin antara keluarga. Kesibukan dalam melaksanakan urusan harian demi meningkatkan ekonomi keluarga kadang kala mengakibatkan hubungan kekeluargaan secara tidak sedar diabaikan. Kualiti bersama keluarga diketepikan hanya kerana mengejar kemewahan dalam memberi kebahagiaan material semata kepada keluarga.

Secara keseluruhannya, masyarakat Melayu di Daerah Hulu Langat masih mementingkan

kehidupan berkeluarga dalam mengukuhkan ikatan kasih sayang yang tinggi berbanding masyarakat Cina yang kurang mementingkan hubungan baik bersama ahli keluarga. Bagi memastikan kualiti hidup yang seimbang dalam kekeluargaan selain pencapaian yang membanggakan dalam pendidikan, kejayaan dalam pekerjaan dan pendapatan yang mampu menyediakan segala kelengkapan hubungan kekeluargaan yang berbentuk kasih sayang, hubungan mesra dan saling memerlukan serta penglibatan aktiviti bersama keluarga tidak boleh diabaikan dalam hidup. Keluarga adalah keutamaan dalam segala-galanya sementara pekerjaan, pendidikan dan pendapatan merupakan aspek yang membantu meningkatkan lagi kualiti kehidupan. Siti Fatimah (2006) berpendapat, teori kesejahteraan hidup atau kualiti hidup ini bukan semata-mata diukur dengan nilai material sahaja seperti

pemilikan rumah, kenderaan, taraf pendidikan yang tinggi tetapi ianya juga merangkumi aspek yang tidak berbentuk material seperti perasaan kasih sayang, kemesraan, rasa belas kasihan antara individu dan sentiasa berlapang dada.

Sementara itu secara majoriti masyarakat pinggir bandar yang berpendidikan SPM dan ke bawah masih mementingkan hubungan yang baik dan ikatan kasih sayang yang kukuh bersama semua ahli keluarga yang menjadi pendorong dalam mencapai kejayaan dan pelengkap dalam kehidupan berbanding masyarakat yang berpendidikan STPM dan ke atas. Dalam keadaan tertekan dan serba kekurangan keluarga merupakan penyuntik semangat untuk terus ke hadapan dalam meneruskan cita-cita serta impian yang ingin dicapai. Keluarga masih menjadi tunggak utama dalam menyokong perjuangan kehidupan untuk ke tahap yang lebih tinggi. Justeru, ketika ini hubungan mesra, semangat masih diperlukan daripada keluarga dalam membentuk pola-pola kejayaan demi kejayaan dalam hidup. Namun hubungan kekeluargaan ini bukanlah hubungan yang dijalankan atas kerana kasih sayang dan menghargai insan yang benar-benar menyayangi diri. Ini ditunjukkan dalam hasil kajian apabila masyarakat pinggir bandar di Daerah Hulu Langat yang berumur 40 tahun dan ke atas secara majoritinya menjalankan hubungan kekeluargaan yang lebih baik berbanding mereka yang berumur kurang daripada 40 tahun. Ketika ini kasih sayang terhadap keluarga yang diberikan lebih dihargai dan merupakan penghargaan serta nilai kasih sayang lebih memberi makna kerana ia bukan atas dasar sesuatu perkara dan harta benda.

Perbincangan seterusnya adalah berkaitan aspek kesihatan dalam kehidupan yang turut menyumbang kualiti hidup masyarakat dalam kesediaan diri terhadap pembangunan di pinggir bandar. Hasil kajian menunjukkan majoriti masyarakat pinggir bandar di Daerah Hulu Langat berpuas hati terhadap penilaian aspek kesihatan yang diberikan dan aspek tertinggi yang memberikan peningkatan kesihatan yang semakin baik adalah kefahaman terhadap agama, nilai moral dan nilai kehidupan serta penjagaan kesihatan diri yang sempurna. Bagi mencari bukti yang kukuh berkaitan kesihatan dan tahap kefahaman serta amalan agama maka penelitian diteruskan dengan melihat hubungan antara keduanya. Rozana (2007) masyarakat di kawasan ini cenderung untuk berpegang teguh dan beramal dengan ajaran agama, khususnya agama Islam selain turut memperkenan kualiti

kejiranan yang tinggi kerana amalan beragama dapat membantu mengawal gejala sosial dan jenayah yang semakin berleluasa. Hubungan korelasi antara kesihatan dan tahap kefahaman serta amalan agama masyarakat pinggir bandar di Daerah Hulu Langat menunjukkan hubungan korelasi yang tinggi. Malah tahap kepuasan juga menunjukkan semakin tinggi tahap kefahaman dan amalan terhadap suruhan agama semakin tinggi tahap kesihatan yang dicapai oleh masyarakat di Daerah Hulu Langat. Kajian Samruhaizad (2008) dan Azman et al. (2003) juga menunjukkan tahap kepuasan minima bagi aspek kesihatan yang dicapai oleh masyarakat bandar hanya mencecah kurang daripada 70 peratus sahaja. Manakala tahap minima bagi aspek kepuasan kesihatan bagi masyarakat pinggir bandar adalah lebih baik iaitu sebanyak 74.6 peratus. Justeru itu, masyarakat pinggir bandar secara umumnya telah bersedia menerima perubahan pembangunan dalam hidup di pinggir bandar Daerah Mukim Hulu Langat ketika ini. Malah skor kesihatan diri secara umum yang dapat dihasilkan dalam kajian ini juga menunjukkan bahawa tahap kesihatan masyarakat pinggir bandar adalah sederhana. Masyarakat yang sihat mampu menempuh pelbagai dugaan dan cabaran yang dihadapi bukan sahaja permasalahan yang timbul di dalam diri malah keluarga, komuniti masyarakat dan yang paling penting adalah cabaran untuk seiring dalam mengejar kemajuan yang dilaksanakan negara.

Kegagalan dalam mengawal diri dan emosi terutama dalam mempersiapkan diri untuk sederap bersama pembangunan negara mampu mengakibatkan gangguan kesihatan mental yang lebih dikenali sebagai stres. Malah Lazarus dan Folkman (1984) serta Mason (1975) menyatakan stres bukanlah sesuatu yang luar biasa dan tidak mungkin dapat dielakkan dalam kehidupan seseorang individu. Malah stres didefinisikan sebagai interaksi antara permintaan persekitaran dengan keupayaan individu untuk menangani permintaan tersebut tanpa melebihi hadnya atau boleh di tafsir sebagai kuasa luar atau desakan yang mempengaruhi fizikal individu.

PENERIMAAN PERUBAHAN: STATUS KUALITI HIDUP MASYARAKAT PINGGIR BANDAR

Pembangunan sedang dijalankan di pinggir bandar Daerah Hulu Langat. Rebakan pembangunan

semakin banyak daripada sehari ke sehari. Penerimaan masyarakat terhadap perubahan persekitaran kesan pembangunan yang sedang berlaku di depan mata adalah sederhana. Aspek yang terlibat dalam menyokong penerimaan perubahan pembandaran adalah aspek keselamatan diri dan keselamatan kawasan kediaman, kemudahan awam dan infrastruktur serta aksesibiliti kemudahan awam yang diterima serta perkhidmatan kesihatan. Masyarakat di Daerah Hulu Langat mencatatkan tahap sederhana dalam penerimaan perubahan terhadap pembangunan yang dijalankan di pinggir bandar ini. Keselamatan diri merupakan perkara utama dalam menentukan keamanan dan kesejahteraan dalam kehidupan selain aspek pendidikan, perumahan, pekerjaan, hubungan sosial dan pendapatan. Didapati hanya sebahagian sahaja masyarakat pinggir bandar yang masih menaruh kepercayaan terhadap keselamatan untuk tinggal di Daerah Hulu Langat ini serta keselamatan terhadap bencana alam dan musibah. Namun kebimbangan lain yang mengakibatkan penurunan kualiti hidup masyarakat di Daerah Hulu Langat adalah berkaitan keselamatan jenayah diri dan keselamatan ketika keluar di waktu malam. Kebimbangan masyarakat Daerah Hulu Langat yang semakin meruncing adalah terhadap keselamatan harta benda, ancaman jenayah warga asing dan masalah kebanjiran warga asing yang semakin meningkat di pinggir bandar. Salah satu teori Maslow (1984) adalah berkaitan keselamatan yang menyatakan keperluan keselamatan merangkumi bebas daripada perasaan takut dan bimbang, memerlukan perlindungan dan merasa selamat ketika berada di mana jua. Rebakan pembangunan mengundang pelbagai anasir luar yang turut menyumbang perkhidmatan dalam memenuhi peluang yang disediakan atau menutup lompong-lompong kekosongan sama ada dalam sektor terteri yang menyediakan ruang untuk pekerja tidak mahir dalam sektor swasta dan sektor kerajaan. Kebimbangan keselamatan diri yang dinyatakan oleh masyarakat pinggir bandar adalah tertumpu kepada kebanjiran warga asing yang dijadikan buruh pembinaan bagi kawasan pembinaan perumahan atau perindustrian. Lambakan warga asing di kawasan pembinaan tanpa pengawalan ini meningkatkan kadar jenayah.

Kajian Abdul Rahman Embong (2011) juga membincangkan komposisi etnik yang menunjukkan peratusan warga asing di Bandaraya Kuala Lumpur telah meningkat melebihi warga masyarakat India di mana pada tahun 2000, komposisi etnik telah

berubah dengan ketara; peratusan penduduk Bumiputera di Kuala Lumpur ialah 40.7 disusuli oleh penduduk Cina 40.6 peratus, India 4.8 peratus, lain-lain 1.4 peratus dan warga asing berjumlah 6.7 peratus. Peningkatan kebanjiran warga asing ini meningkat daripada setahun ke setahun disebabkan oleh kerancakan pembangunan yang dijalankan, masyarakat tempatan tidak berminat melakukan kerja-kerja buruh yang dilakukan oleh warga asing dan kadar upah yang diterima memberi nilai yang tinggi jika ditukarkan kepada kadar mata wang negara asal. Selagi adanya pembinaan di negara ini selagi itu masalah kebanjiran warga asing sukar dikawal dan selagi itu kadar jenayah yang melibatkan warga asing sukar dibendung. Lantaran ini, Wan Rozali (2007) berpendapat suatu kerangka pembangunan fizikal yang melibatkan proses pembandaran dan spiritual yang melibatkan manusia dan kemanusiaan hendaklah dirancang secara komprehensif. Ini bertujuan agar setiap perincian perancangan yang melibatkan warga asing dikaji dengan sebaik mungkin dalam mengawal peningkatan kadar jenayah yang disebabkan oleh masalah warga asing. Selain permasalahan jenayah kekerasan dan harta benda, permasalahan keselamatan jalan raya juga merupakan isu yang sering dibincangkan. Kurang 50 peratus masyarakat Daerah Hulu Langat berpuas hati terhadap keselamatan diri sebagai pengguna jalan raya. Sebenarnya soal keselamatan jalan raya adalah tanggungjawab setiap individu sebagai pengguna jalan raya dan bukannya hanya dipikul oleh pihak berkuasa semata-mata. Usaha pihak kerajaan yang menyasarkan statistik kemalangan sifar harus dirasakan sebagai satu komitmen tuntutan sosial kepada semua pengguna bagi memastikan keselamatan diri dan pengguna terjamin semasa menggunakan jalan raya. pemanduan yang berhati-hati dan sentiasa peka dengan persekitaran semasa memandu, mampu mengelakkan sesuatu kemalangan yang tidak diingini berlaku. Dalam laporan kualiti hidup bandar di Malaysia, Indeks Pengangkutan dan Komunikasi di bandar meningkat kepada 109.8 mata pada tahun 2000 (Unit Perancang Ekonomi 2002). Peningkatan mata bagi Indeks Pengangkutan dan Komunikasi merupakan peningkatan mata indeks kelima tertinggi di bawah mata indeks pendidikan yang mencatatkan 110.9 mata.

Usaha berterusan dilakukan apabila kerajaan telah membelanjakan berjuta ringgit bagi memastikan mutu pengangkutan awam untuk warga kota sentiasa mendapat perkhidmatan yang terbaik dalam usaha mengurangkan kesesakan

jalan raya yang sering berlaku di Metropolitan Kuala Lumpur. Justeru, di pihak kerajaan pelbagai usaha telah dijalankan bagi memberi keselesaan dan bagi memastikan pengguna jalan raya berada di tahap yang terbaik. Namun kemalangan dan kematian akibat kemalangan jalan raya tetap meningkat daripada masa ke semasa yang mana ia merupakan masalah negara yang sukar dibendung tanpa kerjasama daripada setiap individu yang juga pengguna jalan raya. Ini kerana masalah sikap pengguna jalan raya merupakan faktor utama selain masalah jalan raya itu sendiri yang meningkatkan pertambahan statistik kemalangan terutamanya di musim-musim perayaan. Risiko kemalangan seperti ini dapat dielakkan sekiranya sikap pemandu dan pengguna jalan raya ini di ubah serta memastikan kenderaan mereka baik dan selamat.

Aspek kemudahan awam dan infrastruktur merupakan aspek yang memberi kepuasan paling tinggi kepada masyarakat Daerah Hulu Langat berbanding aspek kualiti hidup yang lain. Jumlah skor min kepuasan secara keseluruhan bagi masyarakat Daerah Hulu Langat bagi aspek kemudahan awam dan infrastruktur adalah sebanyak 71.21 ± 13.38 iaitu pada tahap sederhana. Penyediaan kemudahan awam di ketiga-tiga mukim yang dikaji di Daerah Hulu Langat memberikan kepuasan yang sederhana kepada masyarakat yang tinggal di dalamnya. Tahap kepuasan yang dicapai ini menunjukkan bahawa infrastruktur yang disediakan memberi manfaat dan kemudahan kepada masyarakat pinggiran. Namun begitu, aksesibiliti bagi mendapatkan kemudahan awam yang disediakan di Daerah Hulu Langat memberi sedikit masalah kepada masyarakat yang tinggal di Mukim Hulu Langat dan Mukim Semenyih terutama kepada masyarakat yang tidak mempunyai kenderaan sendiri berbanding masyarakat Mukim Kajang yang lebih mudah mendapatkan perkhidmatan yang disediakan. Masyarakat Mukim Kajang lebih mudah mendapatkan perkhidmatan awam yang disediakan kerana kebanyakan kemudahan awam ditempatkan di mukim tersebut. Hasil kajian pinggiran di Daerah Hulu Langat juga menunjukkan hubungan korelasi yang sangat kuat antara kemudahan awam dan aksesibiliti untuk mendapatkan kemudahan awam dengan $r = 0.70$ dan nilai $p < 0.01$. Anuar Amir (2006) mendapat faktor jarak amat mempengaruhi aksesibiliti ke kompleks membeli belah berbanding dengan kemudahan lain di mana semakin dekat kemudahan bandar semakin tinggi aksesibiliti tersebut. Oleh yang demikian

kesukaran dalam mendapatkan kemudahan awam paling rendah adalah mereka yang paling hampir dengan kemudahan yang disediakan dan masyarakat Mukim Kajang paling mudah dalam memperoleh perkhidmatan diberikan.

Seterusnya aspek perkhidmatan kesihatan juga dilihat sebagai penyokong penerimaan masyarakat pinggiran terhadap perubahan persekitaran fizikal kesan rebakan pembangunan. Pembangunan rancak yang dibangunkan di pinggir bandar biasanya tidak mengabaikan perkhidmatan kesihatan. Bagi memastikan masyarakat yang tinggal di pinggir bandar sentiasa mendapat perkhidmatan kesihatan terbaik segala kelengkapan berkaitan kesihatan dilengkapkan di pusat-pusat kesihatan dan hospital-hospital kerajaan malah turut didirikan klinik dan hospital swasta. Penyediaan kelengkapan peralatan kesihatan di pusat-pusat kesihatan dan hospital telah memberikan kepuasan hampir keseluruhan masyarakat pinggir bandar Daerah Hulu Langat namun malangnya kelengkapan yang disediakan tidak mampu menyelamatkan nyawa dan kesakitan seseorang sekiranya tempoh menunggu yang terlalu lama dalam mendapatkan rawatan yang diperlukan. Justeru, ketidakmampuan masyarakat dalam mendapatkan perkhidmatan kesihatan di swasta dan tempoh menunggu yang terlalu lama di pusat kesihatan dan hospital kerajaan telah menyebabkan hampir majoriti masyarakat di Daerah Hulu Langat sangat tidak puas hati terhadap perkhidmatan kesihatan yang diterima. Ketidakmampuan membayar perkhidmatan kesihatan yang terlalu mahal di pusat kesihatan dan hospital swasta mengakibatkan masyarakat terpaksa menanggung beban menunggu perkhidmatan kesihatan daripada pusat-pusat kesihatan dan hospital kerajaan bagi tempoh yang tidak munasabah.

Perbandingan tempoh mendapatkan rawatan ini sering dikaitkan dengan perkhidmatan yang diberikan oleh pihak swasta. Perkhidmatan kesihatan daripada pusat kesihatan dan hospital swasta mampu menyediakan perkhidmatan kesihatan yang cepat dan berkesan bagi mengubati jenis penyakit yang sama berbanding tempoh rawatan yang disediakan di pusat kesihatan dan hospital kerajaan. Dalam kajian ini lebih 50 peratus masyarakat di Daerah Hulu Langat tidak berpuas hati terhadap tempoh menunggu perkhidmatan kesihatan yang diberikan oleh pusat kesihatan dan hospital kerajaan dan ujian korelasi menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang agak tinggi dengan nilai $r = 0.58$ terhadap tempoh menunggu untuk mendapatkan

perkhidmatan kerajaan dan ketidakmampuan mendapatkan rawatan yang lebih baik di pusat kesihatan dan hospital swasta. Semakin panjang tempoh menunggu untuk mendapatkan rawatan di pusat perubatan dan hospital semakin tinggi ketidakpuasan hati terhadap perkhidmatan kesihatan yang diberikan.

KESIMPULAN

Masyarakat Daerah Hulu Langat perlu meningkatkan kualiti hidup mengikut komponen kualiti hidup pinggiran yang mengandungi kesedaran pembangunan, kesediaan diri dan penerimaan perubahan bagi memastikan kualiti hidup mereka di pinggiran bertambah baik dan mengikut arus pembangunan yang berlaku. Perincian komponen yang perlu dititikberatkan adalah berkaitan komponen pembangunan yang merangkumi aspek perumahan, persekitaran fizikal dan alam sekitar. Manakala dalam komponen kesediaan diri, aspek yang perlu dititikberatkan adalah pendidikan dan kewangan serta pekerjaan. Komponen penerimaan perubahan hanya melibatkan keselamatan dan kawasan perumahan serta perkhidmatan kesihatan yang perlu ditambah baik dalam kehidupan masyarakat pinggir bandar di Daerah Hulu Langat. Kesemua komponen utama ini sekiranya dititikberatkan dalam peningkatan kualiti hidup masyarakat pinggir bandar mampu meningkatkan tahap kualiti hidup mereka seiring pembangunan yang dilaksanakan di penempatan habitat masyarakat di pinggir bandar.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Embong. 2011. Pembandaran dan kehidupan bandar di Semenanjung Malaysia. *Akademika* 81 (2) : 23-39.
- Al-Eisa, I. S., Al-Mutar, M., M. Radwan, M. & Al-Terkit, A.M 2005. Patients' satisfaction with primary health care services at capital health region, Kuwait. *Middle East Journal of Family Medicine* 3: 3.
- Anuar Amir. 2006. Impak limpahan pembandaran ke atas kampung pinggir bandar di wilayah metropolitan. Tesis Ph.D. Perancangan Bandar dan Wilayah. Fakulti Alam Bina. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Azahan Awang. 2006. Kualiti hidup masyarakat bandar di kawasan Majlis Perbandaran Seremban, Negeri Sembilan. Tesis Doktor Falsafah. Program Pengurusan Persekitaran, Pusat Pengajian Siswazah. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Azman, A. B., Sararak, S., Rugayah, B., Low, L.L., Azian, A.A., Geeta, S. & Tiew, C.T. 2003. Quality of life of the Malaysian general population: Results from a postal survey using the SF-36. *Medical Journal of Malaysia* 58 : 694-711.
- Barnes, K. B., Morgan III, J. M., Roberge, M. C. & Lowe, S. 2001. Sprawl development: Its patterns, consequences and measurement. Towson University http://chesapeake.towson.edu/landscape/urbansprawl/download/sprawl_white_paper.pdf.
- Batchelor, P. & Lewis, D. 1985. *Urban Design in Action*. Raleigh, North Carolina: The American Institute of Architects. North Carolina State University.
- Bogue D. J. 1969. *Principles of Demography*. New York: John Wiley& Sons, Incorporated.
- Brereton, G. 1966. *Urbanization in Newly Developed Countries* (Modernization of Traditional Societies Series). Prentice-Hall. Englewood Cliffs.
- Burgess, E. W. 1925. The growth of the city. Dlm. *The City*, disunting oleh Burgess, E. W., Park, R. E., & McKenzie, R. D., 47 - 62. Chicago: American Sociological Society. Chicago, University of Chicago Press.
- David, J. 1988. *Adult Education And Cultural Development*. New York: Routledge
- Duncan M.J., Simon D., & Thompson, D., sunt. 2006. *Peri-urban Interface: Approaches to Sustainable Natural and Human Resource Use*. London: Earthscan.
- Harris, C.D., & Ullman, E. L. 1945. *The Nature of Cities*. Annals of the American Academy of Political and Social Science, 242.
- Harvey, R.O. & Clark, W.A.V. 1965. The nature and economics of urban sprawl. *Land Economics* 41 (1) : 1-9.
- Hoselitz, B. F. 1960. Theories of stages of economic growth. Dlm. *Theories of Economic Growth*, disunting oleh Bert F. Hoselitz. New York : The Free Press.
- Hoyt, H., 1939: *The Structure And Growth of Residential Neighbourhoods In American Cities*. Washington: United States Federal Housing Allmin.
- Hurd, R. M. 1903. *The Principles of Cities Land Values*. New York: Record and Guild.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2009. Laporan penyiasatan pendapatan isi rumah dan kemudahan asas. Jabatan Perangkaan Malaysia. Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya, Malaysia.
- Katiman Rostam, Mochamad Rosul, Er Ah Choy, Abdul Rahim Mohd Nor, Zaini Sakawi, Norazuan Md Hashim, Aishah@Esah Hj Muhammad. 2010. Pembandaran dan rebakan bandar di pinggir Wilayah Metropolitan Lembah Klang-Langat. *GEOGRAFIA Online Malaysian Journal of Society and Space* 6(2): 37-50.
- Kriken J. L. 1983. What wrong with small projects? U.D Review. *American Planning Association* 6 : 2-3.
- Lazarus, R. & Folkman, S. 1984. *Stress, Appraisal And Coping*. New York: Wiley.
- Lim Heng Kow. 1978. *The Evolution of The Urban System in Malaya*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press.
- Lopez, E., Gerardo, B., Manuel, M. & Emilio, D. 2001. Predicting land-cover and land-use change in the urban fringe: A case in Morelia City, Mexico. *Landscape and Urban Planning* 55 (4) : 271-285.

- Maslow, A. H. 1984. *Motivasi dan Keperibadian: Teori Motivasi dengan Rancangan Hierarki Keutuhan Manusia*. Pustaka Binaman Pressindo, Jakarta.
- Mason, J. W. 1975. A historical view of the stress field. Part 1. *Journal Of Human Stress* 6-12.
- Mayer, H. M. & Kelvin, C. F. 1959. *Reading In Urban Geography*. University of Chicago Press.
- Mills, D. 1981. Growth, speculation and sprawl in a monocentric City. *Journal of Urban Economics* 10: 210-226.
- Mitchell, J. G. 2001. Urban Sprawl : The American dream? *National Geographic* 1: 48-73.
- Mugavin, D. 1992. Urban design and the physical environment. *Journal Town Planning Review* 64(4): 403-413.
- Nor Hayati, I. 2006. Tahap kepuasan pesakit dalam unit perubatan dan pembedahan: Perbandingan antara hospital dengan dan tanpa status akreditasi di Negeri Selangor. Tesis Sarjana. Universiti kebangsaan Malaysia.
- Peiser, R. B. 1989. Density and urban sprawl. *Land Economics* 65(3): 193-204.
- Rozana Zakaria. 2007. Sustainable housing for residential-industrial neighbourhoods in Malaysia: A study on the element of indoor environmental quality improvements. PhD Dissertation. Queensland University of Technology.
- Samruhaizad Samian@ Samion. 2008. Persepsi sihat sejahtera warga kota dewasa: Satu kajian kualitatif dan kuantitatif di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Tesis Sarjana Sains Perubatan. Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Fatimah Abdul Rahman. 2006. Kriteria kualiti hidup berkeluarga. <http://ikim.gov.my/bm/paparmedia.php?key=781> [24 Mac 2010].
- Unit Perancang Ekonomi. 2002. *Kualiti Hidup Malaysia 2002*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri Malaysia. Percetakan Nasional Berhad.
- Wan Rozali Wan Hussin. 2007. *Kualiti Hidup Sosial dan Proses Pembangunan di Malaysia*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- White, R., & Whitney, J. 1992. Cities and the environment. Dlm. *Sustainable Cities: Urbanization and the Environment in International Perspective*, disunting oleh R. Stren, R. White & J. Whitney, 8-51. Boulder : CO, West-view.

*Samruhaizad Samian@ Samion
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia
E-mel: samruhaizad@ukm.edu.my*

